

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1999/2000

SEPTEMBER 1999

RPK 351 – Ekonomi Bandar dan Wilayah

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** mukasurat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja. Pilih sekurang-kurangnya **SATU** soalan dari setiap Bahagian.

BAHAGIAN A

1. (a) Jelaskan dengan ringkas konsep industri utama dan firma pendorong dalam kutub pertumbuhan.
- (b) Teori Kutub Pertumbuhan juga menggariskan kesan penyebaran (spread effects) dan surutan (backwash effects) pertumbuhan ke dan dari kawasan sekitar. Pada pandangan anda, apakah yang akan berlaku jika kesan surutan adalah lebih berpengaruh daripada kesan penyebaran terhadap sesebuah kawasan petempatan?

(25 markah)

2. (a) Berikan 5 (lima) faedah utama yang boleh diperolehi oleh firma-firma yang berkelompok di bandar.
- (c) Berdasarkan teori petempatan/lokasi, jelaskan faktor-faktor yang menyebabkan wujudnya saiz bandar yang berbeza-beza (berhiraki).

(25 markah)

BAHAGIAN B

3. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan 'urbanisasi mampan'?
- (b) Bincangkan bagaimanakah urbanisasi mampan boleh diwujudkan di negara kita.

(25 markah)

4. (a) Jelaskan Model Unput-Output.
- (b) Bagaimanakah Model Input-Output digunakan untuk analisis impak ekonomi di sesuatu wilayah?
- (d) Bincangkan kelemahan Model Input-Output sebagai satu kaedah pelunjuran.

(25 markah)

BAHAGIAN C

5. Terangkan bagaimanakah kegunaan tanah di bandar terbentuk dengan menggunakan konsep kecerunan lekuk sewa-bida. Dengan menggunakan tiga kegunaan tanah yang berlainan, bincangkan sifat dan implikasi kecerunan lekuk tersebut untuk setiap gunatanah.

(25 markah)

6. (a) Selain daripada faktor-faktor ekonomi, faktor politik (dalam bentuk polisi dan peraturan) juga menentukan kegunaan tanah di bandar. Bincangkan faktor-faktor politik tersebut.
- (b) Bincangkan dua bentuk halangan terhadap mobiliti modal.

(25 markah)

oooOOooo